

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. DATO' DR. NOOR AZMI BIN GHAZALI**  
**[BAGAN SERAI]**  
**TARIKH : 05 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 1**

**Y.B. DATO' DR. NOOR AZMI BIN GHAZALI [ BAGAN SERAI ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapakah rokok seludup dan vape masih berleluasa sedangkan Kementerian sedar kerugian berbilion-bilion setiap tahun kerana gagal dalam kutipan cukai ini .

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa memandang serius berhubung isu penyeludupan rokok tidak sah yang semakin berleluasa di pasaran memandangkan kegiatan penyeludupan rokok ini telah menyebabkan ketirisan hasil duti dan cukai yang tinggi kepada Kerajaan. Oleh yang demikian, usaha menangani aktiviti penyeludupan rokok sentiasa giat dilaksanakan Kerajaan, sebagai contoh, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) sentiasa meningkatkan aktiviti penguatkuasaan dan melaksanakan operasi berterusan seperti Operasi Outlet Rokok yang telah diadakan sejak tahun 2010, bertujuan untuk menyekat penyeludupan dan penjualan rokok di outlet dan premis yang menjual rokok tidak sah. Selain itu, Operasi Ops Pacak turut dilaksanakan bertujuan untuk membanteras pengedaran rokok tidak sah dan mengawal rantaian bekalan rokok seludup di tempat-tempat yang dikenalpasti sebagai *hot spot*.

Selain itu, penubuhan pasukan *task force* khas dengan kerjasama agensi-agensi penguatkuasaan lain seperti Polis Diraja Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Jabatan Imigresen dan Jabatan Laut turut dilaksanakan bagi mengawal pintu keluar dan masuk utama sempadan Malaysia termasuklah pemantauan rapi melalui mesin pengimbas, melakukan aktiviti rondaan darat, rondaan laut, pemeriksaan rapi kenderaan, premis dan outlet terutamanya yang disyaki menyimpan barang belum lulus kastam.

Dalam usaha membanteras penyeludupan rokok seludup ini juga pihak JKDM telah membuat pindaan ke atas Akta Kastam 1967 dan Akta Eksais 1976. Pindaan penalti yang lebih berat iaitu penalti minimum RM100 ribu atau minimum 6 bulan penjara akan dikenakan ke atas kes penyeludupan rokok yang berkuatkuasa pada 2 Januari 2019. Semua kes berkaitan penyeludupan akan didakwa dan tiada lagi kompaun yang dibenarkan bagi sebarang kes yang melibatkan rokok. Di samping itu juga, bagi pesalah yang dijatuhi hukuman boleh diperintahkan oleh mahkamah untuk menjelaskan nilai duti/ cukai yang

terlibat kepada Ketua Pengarah Kastam.

Kerajaan juga sedang mengkaji langkah untuk menyertai *Protocol to Eliminate Illicit Trade in Tobacco Products* di bawah *WHO Framework Convention On Tobacco Control*, di mana kajian secara menyeluruh meliputi tahap kesediaan, mekanisme dan garis panduan pelaksanaan sedang diperhalusi termasuklah mengenalpasti fungsi dan peranan semua agensi yang terlibat bagi melihat persediaan Malaysia untuk menyertai Protokol berkenaan. Ini jelas menunjukkan komitmen dan keseriusan Kerajaan dalam menangani penyeludupan produk tidak sah.

Berhubung penggunaan *vape* yang dilihat semakin berleluasa di pasaran, adalah dimaklumkan bahawa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah mengeluarkan garis panduan berhubung aktiviti pengeluaran, pengedaran dan peruncitan peranti serta cecair rokok elektronik tanpa nikotin. Walaubagaimanapun, Kementerian Kewangan difahamkan bagi penjualan cecair yang mengandungi nikotin adalah dikawal selia oleh Kementerian Kesihatan Malaysia di bawah Akta Racun 1952 dan Akta Jualan Dadah 1952 di mana penjualannya hanya dibenarkan oleh ahli farmasi berlesen dan pengamal perubatan berdaftar untuk tujuan rawatan perubatan. Selain itu, Kementerian Kesihatan Malaysia juga sedang menggubal Rang Undang-Undang Kawalan Tembakau bagi mengawal semua produk rokok dan tembakau termasuk rokok elektronik, *vape* dan shisha.

Sekian, terima kasih.